

GARIS PANDUAN PENGANJURAN KEMPEN DERMA DARAH
JABATAN PATOLOGI & PERUBATAN TRANSFUSI
HOSPITAL LABUAN

Jabatan Patologi & Perubatan Transfusi merupakan satu-satunya pusat kutipan darah di Wilayah Persekutuan Labuan. Aktiviti kempen derma darah merupakan satu inisiatif penting dalam memastikan inventori dan bekalan darah secara berterusan kepada yang memerlukan di Hospital Labuan. Oleh itu, pihak kami ingin memberikan garis panduan dalam pengurusan dan penganjuran kempen derma darah yang sistematik dan teratur untuk memudahkan pihak tuan/puan untuk berurusan kelak. Namun begitu, garis panduan ini hanya untuk pertimbangan pihak tuan/puan sahaja.

Jumlah penderma darah

Sekiranya anggaran penderma darah adalah **kurang daripada 20 orang**, pihak kami mencadangkan supaya aktiviti kempen derma darah dijalankan di Jabatan Patologi & Perubatan Transfusi, Hospital Labuan. Sekiranya anggaran penderma darah adalah **melebihi 20 orang**, aktiviti kempen derma darah boleh diadakan di lokasi pilihan penganjur. Limitasi jumlah kutipan darah dalam sesuatu kempen derma boleh dibincangkan dengan Pegawai bertanggungjawab untuk kempen derma darah supaya tiada pembaziran dalam kutipan darah secara berlebihan.

Masa penganjuran

Kempen derma darah digalakkan untuk diadakan pada hari bekerja. Namun begitu, penganjuran pada selain hari bekerja (minggu kesihatan organisasi, hari keraian, hari aktiviti tahunan persatuan) masih boleh dipertimbangkan oleh pihak kami. Pihak penganjur perlu memaklumkan kepada pihak kami **selewat-lewatnya sebulan (1 bulan) sebelum aktiviti kempen derma darah** dirancang untuk diadakan.

Lokasi pendermaan

Saiz seluas 30 kaki x 30 kaki minima (bergantung kepada jumlah penderma), selesa, berhawa dingin atau berkipas, terang, mempunyai peredaran udara yang baik dan jauh daripada gangguan bunyi bising. Elakkan tempat yang panas, tersorok, berhabuk dan yang perlu menaiki tangga yang tinggi. Mempunyai kemudahan meletak kenderaan dan memuat-turun barang.

Peralatan

Peralatan yang digunakan untuk proses pendermaan darah akan dibawa oleh Jabatan Patologi & Perubatan Transfusi, Hospital Labuan. Namun begitu pihak penganjur diminta untuk menyediakan sekurang-kurangnya 8 buah meja dan 30 kerusi untuk kegunaan penderma darah dan kakitangan bertugas (bergantung kepada jumlah penderma) serta kipas (sekiranya tempat yang disediakan tidak berhawa dingin atau diletakkan terbuka).

Publisiti / promosi

Poster dan pamflet untuk publisiti kempen derma darah akan dibekalkan oleh Jabatan Patologi & Perubatan Transfusi (sekiranya pihak penganjur memerlukannya). Pihak penganjur disyorkan untuk mengumumkan kepada orang ramai mengenai kempen menderma darah yang akan dijalankan ini dengan menggunakan poster yang dibekalkan selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh kempen.

Sebarang perubahan/pertanyaan masih boleh dibincangkan dengan menghubungi talian **087-596859 (Pegawai bertanggungjawab untuk kempen derma darah)**. Segala urusan surat-menyurat adalah secara terus ke alamat berikut :

**PENGARAH
HOSPITAL LABUAN
JALAN MOHD SALLEH .
87020 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(u/p Jabatan Patologi & Perubatan Transfusi)**